



SIARAN MEDIA

ANGKASA ANJUR PERTANDINGAN PENHIJAUAN MALAYSIA: KOPERASI PRIHATIN SEJUTA POKOK KOPERASI SEKOLAH PERINGKAT KEBANGSAAN

PETALING JAYA, 15 JUN 2023 – Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) menganjurkan pertandingan Penghijauan Malaysia: Koperasi Prihatin Sejuta Pokok Koperasi Sekolah Peringkat Kebangsaan bagi mencapai objektif penanaman sejuta pokok oleh gerakan koperasi.

Bertemakan ‘**1 Koperator, 1 Pokok**’, ANGKASA menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan bernilai RM52,800 beserta sijil peringkat kebangsaan dan sijil pencapaian kepada pemenang Jumlah Penanaman Pokok Tertinggi Peringkat Negeri (Kategori Sekolah), Jumlah Penanaman Pokok Tertinggi Peringkat Kebangsaan (Kategori Sekolah) dan Jumlah Penanaman Pokok Tertinggi Peringkat Kebangsaan (Kategori Pelajar).

Pertandingan ini dilaksanakan selaras dengan inisiatif ANGKASA untuk melibatkan koperasi dan rakyat Malaysia bagi menjayakan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030, menyokong inisiatif *United Nation (UN) Decade on Ecosystem Restoration 2021-2030* serta agenda nasional Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok (2021-2025).

Pertandingan ini terbuka kepada semua Koperasi Sekolah ahli ANGKASA seluruh Malaysia. Bagi koperasi yang belum menjadi ahli ANGKASA, borang permohonan menjadi ahli ANGKASA hendaklah dilampirkan bersama penyertaan. Pokok yang ditanam perlu selaras dengan definisi pokok yang digariskan oleh agenda Penghijauan Malaysia iaitu semua jenis pokok tumbuhan berkayu yang mempunyai akar, batang, dahan dan daun.

Koperasi sekolah yang berminat boleh memuat turun aplikasi Penghijauan Malaysia secara percuma di Google Playstore, Apple App Store dan Huawei AppGallery untuk mendaftar atau melalui laman sesawang 100jutapokok.gov.my serta daftar menerusi borang dalam talian (Google Form).

Tempoh pertandingan Penghijauan Malaysia Koperasi Prihatin Sejuta Pokok Koperasi Sekolah Peringkat Kebangsaan ini bermula dari 15 Jun 2023 sehingga 15 Oktober 2023. Untuk maklumat lanjut berkenaan terma dan syarat pertandingan dan pautan e-borang penyertaan, peserta boleh melayari laman sesawang www.sejutapokok.coop atau www.angkasa.coop atau Facebook: @SejutaPokok / @ANGKASACoop.

PENGURUS BESAR
BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
MERANGKAP PEGAWAI KHAS PRESIDEN ANGKASA
(MENJALANKAN FUNGSI PENGURUS BESAR KANAN KUMPULAN
PERHUBUNGAN STRATEGIK)
ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD
16 JUN 2023

MENGENAI ANGKASA

ANGKASA adalah Badan Apeks Gerakan Koperasi Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan untuk menyatukan dan mewakili koperasi di peringkat nasional dan antarabangsa. ANGKASA menjalankan khidmat teras seperti menyediakan khidmat potongan gaji kepada kakitangan kerajaan, badan berkanun, kelab, koperasi, dan kesatuan.

ANGKASA melaksanakan program transformasi perniagaan dan keusahawanan koperasi dalam sektor perniagaan yang berimpak tinggi seperti Kewangan, Pertanian dan Industri Asas Tani, Pemborongan dan Peruncitan, Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan, Perladangan, Hartanah dan Industri Binaan, Inovasi dan Teknologi serta Pembangunan Komuniti.

Sehingga bulan Disember 2022, gerakan koperasi mencatatkan 15,315 buah koperasi dengan keanggotaan seramai 7.3 juta individu, aset sebanyak RM159.6 bilion dan modal syer/ yuran sebanyak RM17 bilion dan perolehan gerakan koperasi mencapai berjumlah RM45.5 bilion. (Sumber statistik: Suruhanjaya Koperasi Malaysia).

ANGKASA telah menerima pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti (ISO 9001:2015), Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISO/IEC 27001:2013) dan Sistem Pengurusan Anti-Bribery (ISO37001:2016). ANGKASA juga telah dianugerahkan Cyber Security Organization of The Year di bawah kategori Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS ISO 27001:2013) pada tahun 2015.

Seiring dengan 52 tahun penubuhannya, ANGKASA akan terus memperjuangkan hak dan kepentingan gerakan koperasi serta komited untuk meneraju dan melaksana inisiatif Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030 agar institusi ini terus berdaya maju dalam menghadapi cabaran masa hadapan serta berperanan sebagai instrumen pengagihan ekonomi yang adil dan saksama demi kesejahteraan untuk semua.

Untuk maklumat lanjut mengenai ANGKASA, sila hubungi talian Khidmat Pelanggan di talian +603 78007800 atau e-mel kepada apex@angkasa.coop. Anda juga boleh melawati laman web kami di www.angkasa.coop dan berinteraksi dengan kami di akaun rasmi Facebook atau Twitter di @ANGKASACoop

Untuk pertanyaan dan maklumat berkenaan media sila hubungi :

Halim Haji Ibrahim
Pengurus Besar
Bahagian Komunikasi Korporat
Merangkap Pegawai Khas Presiden ANGKASA
Tel. : +6016- 4580305 / +603 – 7884 6481
Faks : +603 – 7884 6489
E-mel : korporat.angkasa@gmail.com

KOPERASI MENYOKONG AGENDA

